

Ti

Dewan
TAMADUN ISLAM
جیوان تمدن اسلام

Jun 0616
ISSN 2289-2893
<http://www.dti.dip.gov.my>

SIASAH - SAHSIAH



TABAYYUN BENTENG PENDUSTAAN

JUN

2016

Semenanjung Malaysia
Sabah/Sarawak
Brunei Darussalam
Singapura

RW6.50
RM7.00
BS6.50
SG6.50

KK 290-91904 0616
ISSN 2289-2893



06

9 772289 289001

<http://www.dti.dip.gov.my>

► Ahlan Ya
Ramadan
Fahami
Tuntutan
Puasa

► Membina
Kesatuan
Ummah
► Sebarkan
Salam

► Melatih Diri
Bersifat
Qanaah





**Jun
2016**

Jilid 4 • JUN 2016 / SYAABAN - RAMADAN 1437H • KK 290-91903 0616 • ISSN 2289-2893

KALAM EDITOR 2

Menyuntik Ketakwaan kepada Yang Maha Agung



32 WAWANCARA TI

Memperkasakan Pelan Induk Transformasi Ummah

PEDOMAN 3

Berbuat Baik Terhadap Wanita



36 KHABAR TI

TAMADUN 4

Tabayyun Benteng Pendustaan



38 TARBIAH

Sebarkan Salam

PEDOMAN 9

Meringankan Musibah



41 PUASI

Ketika Duduk-duduk di Beranda Waktu, Tarbiah Ramadan

FARDU AIN 10


Ahlan Ya Ramadan
Fahami Tuntutan Puasa



42 SAKINAH

Kebahagiaan Milik Allah


GLOSARI 13



46 TANYA TI

SUNNAH 14

Rahmat Bulan Ramadan




49 DOA

Doa Berlindung daripada Kehilangan Nikmat

PUSI JAWI 18

Berlapang Dada,
Mengingati Kematian



50 MUHASABAH

Melatih Diri Bersifat Qanaah

DOA 19

Doa Agar Terselamat daripada Sifat Lalaian Manusia



54 CERPEN

Iktikaf

TASAWUF 20

Tabii Ilmu Tasawuf
dan Tarekat



58 IBRAH

Model Integriti Rasulullah SAW dalam Kepimpinan Kini

ULUL ALBAB 24

Membina Kesatuan Ummah



62 ULASAN BUKU

Syeikh al-Albani
Ulama Hadis Tersohor

SEMASA 28

Antara Hak Asasi dengan
Kesalahan Jenayah Syariah



TAMADUN

◎ MUHAMMAD SABRI SAHIR
Pensyarah Kanan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

TABAYYUN

BENTENG PENDUSTAAN



Kemunculan aplikasi media sosial secara berleluasa kini seperti Facebook, Twitter dan Instagram dan sebagainya membolehkan para pengguna menyebarkan sesuatu maklumat dengan lebih pantas berbanding dengan penggunaan media massa seperti surat khabar, televisyen dan radio sebelum ini. Kebanjiran peralatan mudah alih dan telefon pintar dengan pelbagai aplikasi sembang seperti Whatsapp, Telegram, WeChat dan seumpamanya menambahkan lagi kepentasan sesuatu maklumat itu disebarluaskan.

Kecenderungan masyarakat untuk berkongsi sesuatu maklumat sama ada berbentuk teks, grafik dan video melalui media sosial telah menjadi ikutan pelbagai lapisan masyarakat masa kini. Oleh itu, ledakan teknologi maklumat dalam bentuk mudah alih ini perlu digunakan secara berhemah dan berhati-hati agar sebarang maklumat yang dikongsi nanti bukanlah maklumat palsu, berita yang telah dimanipulasikan, gambar yang telah diedit, maupun video yang disunting.

Pengguna perlu dididik untuk menilai sesuatu berita agar maklumat yang disebarluaskan tidak memudaratkan masyarakat,

agama dan negara, ibarat kata pepatah, "kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa". Dalam konteks kini, "mulut" dalam pepatah ini dapat diliaskan definisinya sebagai aplikasi laman sosial dan sembang maya. Maka, dalam kepesatan ledakan maklumat melalui media sosial, maka pentingnya bagi kita berhati-hati menerima dan menilai akan kesahihan sesuatu maklumat sebelum disebarluaskan atau dikongsi bersama pengguna lain. Sikap meneliti dan menyemak (*tabayyin*) sumber berita dan bersabar sebelum menyebarkannya kepada orang lain dapat menghindarkan dan menjauhkan daripada sebarang pendustaan dan kemungkaran.

APAKAH TABAYYUN?

Dalam kamus *Lisan al-Arab* oleh Ibn Manzur, perkataan *tabayyun* berasal daripada kata dasar **بَيَّنَ** yang memberikan maksud sesuatu yang jelas dan terang, sama seperti perkataan **بَيْان** (bayan). *Tabayyun* pula ialah


perkataan yang dihasilkan dengan penambahan imbuhan pada perkataan asal yang juga memberikan maksud yang hampir sama. Firman Allah SWT yang benmaksud, "Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran bagi 'menjelaskan' (*tibyanan*) tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang Islam." (Surah al-Nahl 16:89).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud, "Oukuplah bagi orang itu disebut pembohong apabila dia menceritakan setiap yang dia dengar." (Hadis riwayat Muslim). Imam Hasan al-Basri juga pernah menyebut, "orang Mukmin itu berhenti (daripada menyebarkan sesuatu berita) sebelum dia memastikan kebenarannya.

Mengikut tafsiran para ulama, *tabayyun* berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud "mensabitkan dan menyemak asas kebenarannya." Dengan kata lain, *tabayyun* ialah "proses penelitian sesuatu berita atau perkhabaran sebelum disebarluaskan." *Tabayyun* juga membawa maksud yang menyarankan umat Islam agar sentiasa teliti dan

"Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) ...

(Surah al-Hujurat 49:6)



Sebelum kita menerima sesuatu berita atau ingin menyampaikannya maka hendaklah dipastikan dahulu keabsahan berita atau kenyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana jika kita alpa dan lalai, bimbang banyak pihak yang akan terjejas, malah bukan sahaja berupaya memusnahkan individu, tetapi masyarakat dan negara.

Imam Ibn Kathir dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim* berkata, "Allah SWT memerintahkan agar kita menyemak dan meneliti betul-betul sesuatu berita daripada orang fasik dengan berhati-hati agar tidak berlaku sebarang pendustaan dan kekeliruan." Kebanyakan ahli tafsir menyebutkan ayat ini juga ditujukan kepada al-Walid bin 'Uqbah bin Abi Mu'ith ketika menjadi utusan Rasulullah SAW untuk memungut zakat daripada Bani Mustaliq.

berhati-hati dalam membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya), sehingga menjadikan kamu menyesali apa-apa yang kamu telah lakukan." (*Surah al-Hujurat* 49:6).

Imam Ibn Kathir dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim* berkata,

Dalam suatu riwayat menyatakan bahawa al-Harith menghadap Rasulullah SAW dan baginda mengajaknya memeluk Islam, lalu al-Harith pun berikrar menyatakan iktikadnya terhadap Islam. Baginda SAW juga menyerunya agar membayar zakat, lalu al-Harith pun menyanggupi kewajibannya dan berkata, "Ya Rasulullah, aku akan pulang kepada kaumku untuk mengajak mereka masuk Islam dan menunaikan zakat. Orang yang mengikuti ajakanku, akan aku kumpulkan zakatnya. Apabila telah tiba waktunya, kirimkanlah utusan untuk mengambil zakat yang telah aku kumpulkan itu."

Ketika al-Harith selesai mengumpulkan zakat daripada kaumnya seperti yang dijanjikan, tiada seorang pun utusan yang datang menemuinya. Al-Harith menyangka terjadi sesuatu yang menyebabkan Rasulullah SAW marah kepadanya. Beliau pun memanggil para hartawan kaumnya dan berkata, "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menetapkan waktu untuk mengutus seseorang untuk mengambil zakat yang ada padaku, dan baginda tidak pernah menyalahi janjinya. Akan tetapi, aku tidak tahu mengapa baginda menangguhkan utusannya itu. Mungkinkan baginda marah? Mari kita berangkat menghadap Rasulullah SAW."

Sementara itu, pada waktu yang telah ditetapkan pula, Rasulullah SAW mengutus al-Walid bin 'Uqbah untuk mengambil dan menerima zakat yang ada pada al-Harith. Ketika dalam perjalanan, al-Walid berasa gentar, lalu beliau pun pulang sebelum sampai di tempat yang ditujunya.

Beliau menyampaikan laporan palsu kepada Rasulullah SAW dengan menyatakan al-Harith tidak mahu menyerahkan zakat kepadanya, sebaliknya mengancam akan membunuhnya. Kemudian, Rasulullah SAW pun mengirimkan utusan yang lain kepada al-Harith.

Ketika dalam perjalanan, utusan yang kedua itu bertembung dengan al-Harith dan kaumnya yang mahu menemui Rasulullah SAW. Lantas, al-Harith bertanyakan utusan itu, "Kepada siapakah engkau diutus?" Lalu utusan itu menjawab, "Kami diutus kepadamu." Al-Harith bertanya lagi, "Mengapa?" Mereka menjawab, "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mengutus al-Walid bin 'Uqbah, namun dia memberitahu bahawa engkau enggan menyerahkan zakat, bahkan hendak membunuhnya pula." Lalu, al-Harith menjawab, "Demi Allah yang telah mengutus Muhammad dengan sebenar-benarnya, aku tidak melihatnya, malah tidak ada yang datang berjumpa denganku."

Ketika mereka sampai di hadapan Rasulullah SAW, baginda bertanya, "Mengapa engkau menahan zakat dan mahu membunuh

utusanku?" Maka, al-Harith menjawab, "Demi Allah yang telah mengutus engkau dengan sebenar-benarnya, aku tidak berbuat seperti demikian." Oleh itu, turunlah ayat keenam *Surah al-Hujurat* sebagai peringatan kepada orang mukmin agar tidak menerima keterangan daripada sebelah pihak sahaja. Hadis ini diriwayatkan daripada Imam Ahmad dan lain-lainnya dengan sanad yang sahih, bersumberkan daripada al-Harith bin Dhirar al-Khuza'i.

Menurut Syeikh al-Maraghi dalam *Tafsir al-Maraghi*, Allah SWT mendidik hamba-Nya yang mukmin dengan sifat sopan yang berguna bagi mereka dalam soal keagamaan atau keduniaan. Apabila mereka didatangi oleh seseorang yang fasik dan terang-terangan meninggalkan syiar agama dengan membawa sesuatu berita hendaklah tidak terus mempercayainya sehingga betul-betul mendapat kepastian dan berusaha mengetahui perkara yang sebenarnya tanpa bergantung pada ceritanya semata-mata. Hal ini disebabkan orang yang tergamak melakukan perkara fasik sudah tentu juga tergamak untuk berdusta, kerana dusta tergolong dalam cabang fasik.

Imam al-Syaukani rahimahullah pula dalam kitab *Fath al-Qadir* berkata, "*tabayyun* bermaksud memeriksa dengan teliti, manakala yang dimaksudkan dengan *tathabbut* ialah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan neraca keilmuan yang dalam terhadap sesuatu peristiwa dan berita yang sampai agar jelas dan terang."

Oleh hal yang demikian, sebelum kita menerima sesuatu berita atau ingin menyampaikannya, maka hendaklah dipastikan dahulu keabsahan berita atau kenyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana jika kita alpa dan lalai, bimbang banyak pihak yang akan terjejas, malah bukan sahaja berupaya memusnahkan individu, tetapi masyarakat dan negara. Tambahan lagi, ketika dunia berhadapan dengan zaman fitnah dengan bantuan teknologi maklumat begitu canggih masa kini, umat Islam seharusnya lebih berhati-hati dan mengamalkan prinsip *tabayyun* sebelum menyebarkan mahupun mengongsi sesuatu berita agar tidak menimbulkan salah faham, mengadu domba, perpecahan dan persengketaan.

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhwai menyatakan dalam kitabnya, "*al-Halal wa al-Haram*" bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sejahat-jahat hamba Allah SWT ialah mereka yang berjalan membawa mulut, iaitu mengadu domba, yang suka memecahbelahkan orang yang berkasih sayang, yang mencatatkan orang-orang yang suci dengan kata-kata yang jahat." (Hadis riwayat Imam Ahmad).

Apabila bersikap *tabayyun* bukan bermaksud kita berburuk sangka terhadap sesama Muslim, malah menjadikan kita seorang Muslim yang lebih berhati-hati apabila menerima sesuatu berita atau maklumat yang penting yang datang daripada pelbagai sumber dengan menyelidik kebenarannya dan menapis kesahihannya. Maklumat palsu atau yang diputarbelitkan lalu diterima pula tanpa usul periksa boleh menyebabkan fitnah berluasa dalam masyarakat sehingga menjerumuskan ke dalam konflik dan pertelahan yang meruntuhkan akhlak dan peradaban. Oleh itu, sikap meneliti kesahihan maklumat atau berita sebelum dikongsi bersama-sama pengguna yang lain harus menjadi keutamaan. Hal ini disebabkan pada era kini, media massa tidak lagi digunakan sebagai wadah penyebar berita, sebaliknya turut digunakan juga untuk tujuan provokasi, propaganda, dakyah dan sebagainya.

Dalam konteks Malaysia, keperluan bersikap *tabayyun* amatlah perlu memandangkan negara ini terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Perselisihan dan perdebatan antara pelbagai aliran pendapat yang berbeza sesama orang Islam juga semakin ketara sejak belakangan ini apabila masing-masing mempunyai akses dan bebas menggunakan media sosial bagi menegakkan pendapat masing-masing. Di samping itu, hubungan antara keluarga juga boleh menjadi rosak dan

Baca dan teliti sesuatu maklumat yang diterima dan selidiki kesahihan kandungan dan sumbernya sebelum disebarluaskan.

porak-peranda jika aplikasi sosial ini disalah guna untuk memburuk-burukkan antara satu sama lain. Oleh itu, prinsip *tabayyun* perlu diambil peduli dan diterapkan pada setiap individu dan masyarakat bagi menilai, menerima dan berkongsi sesuatu berita. Pada era globalisasi serta zaman fitnah berteknologi ini, apa-apa berita semakin mudah disebarluaskan dengan cepat, dan meluas. Oleh sebab adanya sikap teruja dan tidak mahu ketinggalan dengan berita hangat dan sensasi yang diperoleh, maka tersebutlah perkhabaran tersebut bagaikan fakta ke segenap tempat tanpa sebarang syak wasangka atau usul periksa.

Adab berkongsi maklumat

Dalam keasyikan menggunakan pelbagai peralatan komunikasi, beberapa adab yang digariskan dapat dijadikan panduan agar penyebaran maklumat yang mengelirukan dan palsu dapat dielakkan. Antara panduan tersebut termasuklah:

- Baca dan teliti sesuatu maklumat yang diterima dan selidiki kesahihan kandungan dan sumbernya sebelum disebarluaskan.
- Rujuk kepada pakar dalam bidangnya jika kandungan maklumat yang diterima berkaitan dengan bidang tertentu sama ada dalam bidang keagamaan ataupun bidang lain.
- Berhati-hati dengan maklumat yang disebarluaskan yang menggunakan nama

tokoh atau individu tertentu kerana dikhuatiri maklumat tersebut bukanlah daripada tokoh berkenaan atau laman sosialnya digodam bagi tujuan yang tidak baik.

- Jangan sebarkan maklumat yang melibatkan perkara lucuh dan maksiat.

● Mengelakkan daripada mencuri paparan status laman sosial orang lain, lalu menyebarkannya pula kepada rakan yang berada di luar kumpulan bertujuan untuk mengaibkannya kerana perkara tersebut termasuk dalam perbuatan mengadu domba (*nanimah*) dan mengumpat (*ghibah*).

- Jangan sebarkan gambar yang diedit yang bertujuan menjatuhkan kehormatan seseorang tanpa hak seperti tokoh politik atau sebagainya. Pertentangan ideologi dan tindakan politiknya bukanlah lesen yang membolehkan seseorang memperlakukan sesuatu yang dapat mengaibkan kehormatan seseorang lain.

● Menasihati rakan yang sering menyebarkan maklumat, gambar atau video yang mempersendakan orang lain, secara sembunyi agar tidak mengaibkannya dalam kalangan rakan lain.

- Memanfaatkan kewujudan media sosial untuk perkara berfaedah seperti memberikan peringatan, berkongsi maklumat yang sahih, berhubung dengan kaum keluarga, dan

mengeratkan ukhuwah dan silaturahim.

- Menjadikan media sosial sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara dalam talian seperti belajar bahasa, merungkaikan persoalan agama dan perkara bermanfaat yang lain.

● Mengelakkan masa penggunaan aplikasi media sosial agar tidak mengganggu masa bekerja, masa bersama-sama keluarga, aktiviti riadah dan sebagainya, serta tidak membahayakan diri sendiri dan orang lain seperti penggunaan ketika memandu.

Kesimpulannya, konsep *tabayyun* perlu dipraktikkan pada masa kini lebih-lebih lagi dalam zaman teknologi dan era globalisasi moden ini supaya kita tidak terjebak dalam golongan pembuat dan penyebar fitnah yang mengundang kemurkaan Allah SWT, serta menyumbang kerosakan kepada masyarakat dan negara. Dengan mengamalkan sikap *tabayyun*, kita dapat mendidik diri ke arah melahirkan sebuah masyarakat yang matang berfikir dan bertindak dalam menerima sesuatu maklumat. Jika didapati maklumat atau berita yang diterima tidak mendatangkan faedah, lebih baik diabaikan sahaja atau padam setelah membacanya tanpa perlu menyebarkan pada orang lain. Gunakanlah teknologi terkini dengan efektif bagi tujuan kebaikan (e-pahala) dan bukannya sebagai jalan mudah menambahkan dosa (e-dosa). *Ti*